

ABSTRAK

Islam tersebar kepada manusia atas usaha dakwah yang dilaksanakan melalui pelbagai wasilah. Salah satu wasilah dakwah yang penting dan digunakan secara meluas ialah media cetak. Di Malaysia, dakwah melalui media cetak dilakukan oleh banyak pihak, antaranya ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau ringkasnya JAKIM, iaitu sebuah jabatan kerajaan yang berwenang dalam pentadbiran Islam di peringkat pusat. Kegiatan ini dilihat sebagai satu usaha suci murni untuk menegakkan cita-cita Islam seperti yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t.). Persoalannya, sejauh manakah agensi ini benar-benar berperanan secara berkesan dalam bidang ini untuk mencapai cita-cita tersebut? Untuk itu maka kajian ini cuba menyingkap usaha-usaha yang telah dijalankan oleh JAKIM dalam bidang ini, menggarap aspek-aspek kualiti dan kuantiti terbitannya, serta mencungkil kekuatan dan kelemahan dalam setiap urusan yang bersangkutan dengan pelaksanaan aktiviti tersebut. Kajian ini diakhiri dengan pengemukakan beberapa saranan ke arah memertabatkan usaha dakwah melalui media cetak ini sebagai satu kegiatan dakwah yang benar-benar berkesan.

ABSTRACT

Islam is disseminated to mankind through the efforts of propagation by various ways and means. One of the important ways and means used extensively is the print media. In Malaysia, propagation through the print media is carried out by many quarters, among them the Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, a government department in charge of Islamic administration at the federal level. This activity is seen as a noble effort to uphold Islamic aspirant as commanded by Allah (s.w.t.). The question is how far is the agency really effective in its functions in this field to achieve the aspirant? For that matter, this study tries to reveal the efforts carried out by JAKIM in this field, list out the aspects of quality and quantity of its publications, and expose the strengths and weaknesses in managing the implementation of the related activities. This study will finally put forward recommendations towards the uplift of the efforts to propagate Islam through the print media as a truly effective activity of propagation.